



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY 'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 42
No. 15

23hb Julai 1998

*TAMBAHAN No. 61
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 274.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN NEGARA
NETHERLANDS) 1998

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1)
Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum
(Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut: Akta 53.
Akta 543.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai** Nama.
Dua Kali (Kerajaan Negara Netherlands) 1998.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Pelepasan cukai
dua kali.
Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara
Netherlands dengan tujuan memberikan pelepasan daripada cukai
dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Netherlands
(sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu)
dan bahawa adalah suaimanfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

PROTOKOL BAGI MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN
MALAYSIA DENGAN KERAJAAN NEGARA NETHERLANDS BAGI
PENGELAKAN CUKAI DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN
FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI ATAS PENDAPATAN,
DENGAN PROTOKOL YANG DITANDATANGANI DI HAGUE
PADA 7 MAC 1988

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

KERAJAAN NEGARA NETHERLANDS

BERHASRAT untuk membuat suatu Protokol untuk meminda Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negara Netherlands bagi pengelakan cukai dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai ke atas pendapatan, dengan Protokol, yang ditandatangani di Hague pada 7 Mac 1988 (kemudian daripada ini disebut “Perjanjian”), telah bersetuju seperti berikut:

Perkara I

Perkara 6 Perjanjian adalah dipinda dengan:

1. menomborkan perenggan yang sedia ada sebagai perenggan “1”;
2. memasukkan perenggan yang berikut:

“2. Peruntukan Bab III Perjanjian tidaklah terpakai bagi orang yang berhak kepada apa-apa faedah cukai khas di bawah:

- (a) suatu undang-undang mana-mana satu Negara yang telah dikenal pasti dalam Pertukaran Nota antara Negara; atau
- (b) mana-mana undang-undang seumpamanya yang sebahagian besarnya digubal kemudian.”

Perkara II

Perenggan 2 Perkara 12 Perjanjian adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “15 peratus” dengan perkataan “10 peratus”.

Perkara III

Perenggan 2 Perkara 13 Perjanjian adalah dipotong dan digantikan dengan perenggan baru yang berikut:

“2. Walau bagaimanapun, royalti tersebut boleh juga dicukai dalam Negara di mana royalti itu terbit dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial royalti tersebut cukai yang dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi 8 peratus daripada amaun kasar royalti itu.”

Perkara IV

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan sebaik sahaja Perkara 13 Perjanjian:

Perkara 13A

FEE TEKNIKAL

1. Fee teknikal yang terbit dalam salah satu daripada Negara-Negara itu dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, fee teknikal tersebut boleh juga dicukai di Negara di mana fee teknikal itu terbit dan mengikut undang-undang Negara itu tetapi jika penerima itu adalah pemunya benefisial fee teknikal itu, cukai yang dicajkan sedemikian itu tidaklah boleh melebihi:
 - (a) 10 peratus daripada amaun kasar fee teknikal itu bagi bayaran yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 1990 tetapi sebelum 1 Januari 1996; dan
 - (b) 8 peratus daripada amaun kasar fee teknikal itu bagi bayaran yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 1996.
3. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara itu hendaklah melalui persetujuan bersama menyelesaikan cara bagi pemakaian perenggan 2.
4. Istilah “fee teknikal” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran kepada mana-mana orang, selain daripada kepada seorang pekerja orang yang membuat bayaran itu sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan jenis teknikal, pengurusan atau pakar runding.
5. Peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah terpakai jika pemunya benefisial fee teknikal, sebagai pemastautin satu daripada Negara-Negara itu, menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu di mana fee teknikal itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak dalamnya, atau menjalankan dalam Negara yang satu lagi itu perkhidmatan professional, dan fee teknikal itu adalah

berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap tersebut atau perkhidmatan professional tersebut. Dalam hal yang demikian, peruntukan Perkara 8 atau Perkara 15, mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah terpakai.

6. Fee teknikal hendaklah disifatkan terbit dalam satu daripada Negara-Negara itu jika pembayar itu adalah Kerajaan Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau pemastautin Negara itu. Jika walau bagaimanapun seorang yang membayar fee teknikal itu, sama ada dia seorang pemastautin satu daripada Negara-Negara itu atau tidak, mempunyai dalam salah satu daripada Negara-Negara itu suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya liabiliti untuk membayar fee teknikal telah dilakukan dan fee teknikal itu adalah ditanggung oleh establismen tetap itu, maka fee teknikal itu hendaklah disifatkan terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

7. Jika oleh kerana suatu perhubungan istimewa di antara pembayar dengan pemunya benefisial atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, amaun fee teknikal yang dibayar itu melebihi amaun yang sepatutnya telah dipersetujui bersama oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika ada perhubungan yang sedemikian bagi apa-apa alasan sekalipun, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang demikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara, dengan memberi perhatian wajar kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian itu.”

Perkara V

Perenggan 1 Perkara 22 Perjanjian adalah dipotong dan digantikan dengan perenggan baru yang berikut:

“1. Butiran pendapatan seorang pemastautin satu daripada Negara-Negara itu, di mana-mana juga terbit, yang tidak disebut dalam Perkara-Perkara terdahulu Perjanjian itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara itu kecuali sekiranya pendapatan itu diperolehi daripada sumber-sumber dalam Negara yang satu lagi. Ia juga boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi tetapi cukai yang dikenakan itu hendaklah tidak melebihi 10 peratus daripada pendapatan itu.”

Perkara VI

1. Perenggan 3 Perkara 23 Perjanjian adalah dipinda dengan:

- (a) memasukkan selepas perkataan “perenggan 2 Perkara 13,” dengan perkataan “perenggan 2 Perkara 13A”;
- (b) memotong perkataan “dan Perkara 17” dan menggantikannya dengan perkataan “Perkara 17 dan perenggan 1 Perkara 22”.

2. Perenggan 4 Perkara 23 Perjanjian adalah dipinda dengan:

- (a) memotong bahagian (ii) subperenggan (a) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut:

“(ii) seksyen 22, 23, 29, 29A, 29B, 29C, 29D, 29E, 29F, 29G, 29H dan 41B Akta Penggalakan Pelaburan 1986 Malaysia setakat mana ianya berkaitan dengan seksyen 21, 22, 26, 30KA dan 38Q Akta Penggalakan Pelaburan 1968 Malaysia;

setakat mana ia berkuatkuasa pada, dan tidaklah diubahsuai semenjak, tarikh ditandatangani Protokol yang telah dipinda itu atau ianya telah diubahsuai hanya dalam perkara kecil yang tidak memberi apa-apa kesan kepada bentuk amnya”;

- (b) memotong perkataan “15 peratus” dalam subperenggan (b) dan menggantikannya dengan perkataan “10 peratus”; dan
- (c) memotong perkataan “10 peratus” dalam subperenggan (c) dan menggantikannya dengan perkataan “8 peratus”.

Perkara VII

Perenggan 3 Perkara 24 Perjanjian adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “atau perenggan 10 Perkara 13” dengan perkataan “, perenggan 10 Perkara 13, atau perenggan 7 Perkara 13A”.

Perkara VIII

Perkara III Protokol kepada Perjanjian adalah dipinda dengan:

- (a) memotong perkataan “dan 13” dalam tajuk dan menggantikannya dengan perkataan “, 13 dan 13A”;
- (b) memotong perkataan “atau 13” dan menggantikannya dengan perkataan “, 13 atau 13A”.

2. Walau apa pun Perkara III Protokol kepada Perjanjian sebagaimana dipinda oleh Perkara VIII, perenggan 1 Protokol ini menuntut bayaran balik cukai yang dilevikan yang berlebihan daripada amaun yang dicajkan di bawah peruntukan Perkara 13A pada atau selepas 1 Januari 1990, tetapi sebelum tarikh yang Protokol ini berkuatkuasa mestilah dilaporkan kepada pihak berkuasa kompeten Negara yang melevikan cukai itu dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh berkuatkuasanya Protokol ini.

Perkara IX

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas sahaja Perkara V Protokol kepada Perjanjian:

“IV. Ad Perkara 23

1. Walau apa pun Perkara 23 Perjanjian, peruntukan perenggan 4 Perkara 23 hendaklah terhenti berkuatkuasa bagi tahun-tahun yang boleh dicukai bermula pada atau selepas 1 Januari tahun 2006. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa kompeten Negara itu boleh memutuskan melalui persetujuan bersama untuk melanjutkan tempoh bagi pemakaian perenggan 4 Perkara 23 kepada tahun-tahun yang boleh dicukai bermula pada atau selepas 1 Januari tahun 2006.
2. Peruntukan perenggan 4 Perkara 23 tidaklah terpakai jika hutang yang dituntut yang berkenaan dengannya faedah dibayar atau hak atau harta yang memerlukan royalti diberi telah dipersetujui atau diserahkan semata-mata bagi maksud mengambil kesempatan peruntukan perenggan 4 Perkara 23 Perjanjian itu.

Perkara X

1. Setiap Negara hendaklah memberitahu Negara yang satu lagi mengenai penyiapan prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi penguatkuasaan Protokol ini. Protokol ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh pemberitahuan yang paling lewat dan, tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 dan 3 Perkara ini, hendaklah sesudah itu berkuatkuasa:

- (a) dalam hal Netherlands bagi tahun yang dikenakan cukai atau tempoh bermula pada atau selepas Januari tahun kalendar berikutnya yang Protokol ini berkuatkuasa;
- (b) dalam hal Malaysia:
 - (i) berkaitan dengan cukai yang ditahan di punca kepada pendapatan yang diperolehi pada atau selepas 1 Januari tahun kalendar berikutnya di mana Protokol ini mula berkuatkuasa;
 - (ii) berkaitan dengan cukai lain atas pendapatan, dalam cukai yang kena dibayar bagi mana-mana tahun penilaian bermula pada atau selepas 1 Januari tahun kedua kalendar berikutnya di mana Protokol ini mula berkuatkuasa.

2. Walau apa pun perenggan yang terdahulu:

- (a) perkara IV, subperenggan (a) perenggan 1 Perkara VI, Perkara VII dan Perkara VIII Protokol ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun, tempoh atau tahun kalendar yang kena cukai bermula pada atau selepas 1 Januari 1990; dan
- (b) subperenggan 2(a) Perkara VI Protokol ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun, tempoh atau tahun kalendar yang kena cukai bermula pada atau selepas 1 Januari 1996.

3. Protokol ini hendaklah terhenti berkuatkuasa pada suatu masa tertentu sebagaimana Perjanjian terhenti daripada berkuatkuasa mengikut Perkara 29 Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN hal di atas yang bertandatangan di bawah, yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT dalam dua salinan di The Hague pada 4hb Disember 1996, setiap satu dalam Bahasa Malaysia, bahasa Netherlands dan bahasa Inggeris, ketiga-ketiga teks sama sahinya. Sekiranya terdapat perbezaan terjemahan, teks bahasa Inggeris, hendaklah mengatasi.

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI KERAJAAN NEGARA
NETHERLANDS

Dibuat 24 Jun 1998.
[Perb. 0.6869/19 Vol. 4(79); PN. (PU²) 80-A/11.]

ANWAR IBRAHIM,
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF
THE NETHERLANDS) ORDER 1998

In exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, the Minister makes the following order: *Act 53.
Act 543.*

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the Kingdom of the Netherlands) Order 1998.** *Citation.*

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the Kingdom of Netherlands with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Netherlands tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect. *Double taxation relief.*

SCHEDULE

(Paragraph 2)

PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE
GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF
THE KINGDOM OF THE NETHERLANDS FOR THE AVOIDANCE OF
DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION
WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME, WITH PROTOCOL
SIGNED AT THE HAGUE ON 7 MARCH 1988

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND

THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF THE NETHERLANDS

DESIRING to conclude a Protocol to amend the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Kingdom of the Netherlands for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income, with Protocol, signed at The Hague on 7 March 1988 (hereinafter referred to as “the Agreement”), have agreed as follows:

Article I

Article 6 of the Agreement is amended by:

1. numbering the existing paragraph as paragraph “1”;
2. inserting the following paragraph:

“2. The provisions of Chapter III of this Agreement shall not apply to persons entitled to any special tax benefit under:

 - (a) a law either one of the States which has been identified in an Exchange on Notes between the States; or
 - (b) any substantially similar law subsequently enacted.”

Article II

Paragraph 2 of Article 12 of the Agreement is amended by substituting for the words “15 per cent” the words “10 per cent”.

Article III

Paragraph 2 of the Article 13 of the Agreement is deleted and substituted by the following new paragraph:

“2. However, such royalties may also be taxed in the State in which they arise and according to the laws of that State, but if the recipient is the beneficial owner of such royalties the tax so charged shall not exceed 8 per cent of the gross amount of the royalties.”

Article IV

The following new Article shall be inserted immediately after Article 13 of the Agreement:

Article 13A

TECHNICAL FEES

1. Technical fees arising in one of the States and paid to a resident of the other State may be taxed in that other State.
2. However, such technical fees may also be taxed in the State in which they arise and according to the laws of that State, but if the recipient is the beneficial owner of the technical fees, the tax so charged shall not exceed:
 - (a) 10 per cent of the gross amount of the technical fees for payments made on or after 1 January 1990 but before 1 January 1996; and
 - (b) 8 per cent of the gross amount of the technical fees for payments made on or after 1 January 1996.
3. The competent authorities of the States shall by mutual agreement settle the mode of application of paragraph 2.
4. The term “technical fees” as used in this Article means payments of any kind to person any, other than to an employee of the person making the payments, in consideration of any services of a technical, managerial or consultancy nature.
5. The provisions of paragraph 1 and 2 of this Article shall not apply if the beneficial owner of the technical fees, being a resident of one of the States, carries on business in the other State in which the technical fees arise, through a permanent establishment situated therein, or performs in that other State professional services, and the technical fees are effectively connected with such permanent establishment or such professional services. In such case, the provisions of Article 8 or Article 15, as the case may be, shall apply.

6. Technical fees shall be deemed to arise in one of the States when the payer is that State itself, a political subdivision, a local authority or a statutory body thereof, or a resident of that State. Where, however, the person paying the technical fees, whether he is a resident of one of the States or not, has in one of the States a permanent establishment in connection with which the obligation to pay the technical fees was incurred, and such technical fees are borne by such permanent establishment, then such technical fees shall be deemed to arise in the State in which the permanent establishment is situated.

7. Where by reason of a special relationship between the payer and the beneficial owner or between both of them and some other person, the amount of the technical fees paid exceeds, for whatever reason, the amount which would have been agreed upon by the payer and the beneficial owner in the absence of such relationship, the provisions of this Article shall apply only to the last-mentioned amount. In such case, the excess part of the payments shall remain taxable according to the laws of each State, due regard being had to the other provisions of this Agreement.”

Article V

Paragraph 1 of Article 22 of the Agreement is deleted and substituted by the following new paragraph:

“1. Items of income of a resident of one of the States, wherever arising, not dealt with in the foregoing Articles of this Agreement shall be taxable only in that State except that if such income is derived from sources within the other State, it may also be taxed in that other State but the tax so charged shall not exceed 10 per cent of that income.”

Article VI

1. Paragraph 3 of Article 23 of the Agreement is amended by:

- (a) inserting after the words “Paragraph 2 of Article 13,” the words “paragraph 2 of Article 13A,”;
- (b) deleting the words “and Article 17” and substituting with the words “, Article 17 and paragraph 1 of Article 22”

2. Paragraph 4 of Article 23 of the Agreement is amended by:

- (a) deleting sub paragraph a(ii) and substituting with the following sub paragraph;
 - “(ii) sections 22, 23, 29, 29A, 29B, 29C, 29D, 29E, 29F, 29G, 29H and 41B of the Promotion of Investments Act 1986 of Malaysia to the extent that they relate to sections 21, 22, 26, 30KA and 30Q of the Investment Incentives Act 1968 of Malaysia;

so far as they were in force on, and have not been modified since, the date of signature of the amending Protocol or

have been modified only in minor respects so as not to affect their general character”;

- (b) deleting the words “15 per cent” in subparagraph (b) and substituting with the words “10 per cent”; and
- (c) deleting the words “10 per cent” in subparagraph (c) and substituting with the words “8 per cent”.

Article VII

Paragraph 3 of Article 24 of the Agreement is amended by substituting for the words “or paragraph 10 of Article 13” the words “, paragraph 10 of Article 13, or paragraph 7 of Article 13A”.

Article VIII

Article III of the Protocol to the Agreement is amended by:

- (a) deleting in the heading the words “and 13” and substituting with the words “, 13 and 13A” ;
- (b) deleting the words “or 13” and substituting with the words “, 13 or 13A”.

2. Notwithstanding Article III of the Protocol to the Agreement as amended by Article VIII, paragraph 1, of this Protocol, claims for refund of tax levied in excess of the amount chargeable under the provisions of Article 13A on or after the first day of January 1990, but before the date on which this Protocol enters into force, must be lodged with the competent authorities of the State having levied that tax within a period of three years after the date of the entry into force of this Protocol.

Article IX

The following new Article shall be inserted immediately after Article V of the Protocol to the Agreement :

“VI. Ad Article 23

1. Notwithstanding Article 23 of the Agreement, the provisions of paragraph 4 of Article 23 shall cease to have effect for taxable years beginning on or after 1 January of the year 2006. However, the competent authorities of the States may decide by mutual agreement to extend the period of application of paragraph 4 of Article 23 to taxable years beginning on or after 1 January of the year 2006.

2. The provisions of the paragraph 4 of Article 23 shall not apply if the debt-claim, in respect of which the interest is paid or the right or property giving rise to the royalties was agreed upon or assigned mainly for the purpose of taking advantage of the provisions of paragraph 4 of Article 23 of the Agreement.”

Article X

1. Each of the States shall notify to the other the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol. This Protocol shall enter into force on the date of the latter

of these notifications and, subject to the provisions of paragraphs 2 and 3 of this Article, shall thereupon have effect:

- (a) in the case of the Netherlands: for taxable years or periods beginning on or after the first day of January in the calendar year following that in which this Protocol enters into force;
- (b) in the case of Malaysia:
 - (i) in respect of taxes withheld at source, to income derived on or after 1 January in the calendar year following the year in which this Protocol enters into force;
 - (ii) in respect of other taxes on income, to taxes chargeable for any year of assessment beginning on or after 1 January of the second calendar year following the year in which this Protocol enters into force.

2. Notwithstanding the preceding paragraph:

- (a) article IV, subparagraph (a) of paragraph 1 of Article VI and Articles VII and VIII of this Protocol shall be effective for taxable years, periods or calendar years beginning on or after the first day of January 1990; and
- (b) subparagraph (a) of paragraph 2 of Article VI of this Protocol shall be effective for taxable years, periods or calendar years beginning on or after the first day of January 1996.

3. This Protocol shall cease to have effect at such time as the Agreement ceases to have effect in accordance with Article 29 of the Agreement.

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE in duplicated at The Hague this 4th day of December 1996, each in the Bahasa Malaysia, the Netherlands and the English languages, the three texts being equally authentic. In the case of any divergence of interpretation, the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA

FOR THE GOVERNMENT OF THE
KINGDOM OF THE NETHERLANDS

Made 24 June 1998.

[Perb. 0.6869/19 Vol. 4(79); PN. (PU²) 80-A/II.]

ANUAR IBRAHIM,
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967.]